

04 NOV 2001  
Najib-Anggota  
UMNO TAMBAH LEBIH 87,000 ANGGOTA BARU

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Umno berjaya meningkatkan keanggotaan parti sebanyak 87,991 orang selepas kempen penambahan anggota Umno yang dilancarkan di seluruh negara sejak 30 Jun lepas.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata berdasarkan maklumat yang diterima oleh kesemua Badan Perhubungan Umno Negeri itu, peningkatan berkenaan menunjukkan pertambahan sebanyak 3.6 peratus keanggotaan parti.

"Sambutan agak menggalakkan...Negeri Kedah mendapat anggota sebanyak 21,743 anggota baru atau 8.72 peratus diikuti Terengganu sebanyak 12,359 atau 6.69 peratus," kata beliau kepada pemberita selepas majlis Pelancaran Kempen Penambahan Anggota Umno peringkat Negeri Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Najib yang juga Pengerusi Biro Daftar Anggota dan Pengundi Umno percaya usaha-usaha yang sama juga sedang dijalankan bagi meningkat keanggotaan di negeri-negeri lain.

Katanya, setiap bahagian juga diharap mengambil berat arahan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Jumaat lepas supaya menambahkan keanggotaan dan diterjemahkan dengan usaha yang lebih gigih selepas ini.

Najib berkata bagi peringkat Umno Wilayah Persekutuan, ia menunjukkan peningkatan keanggotaan sebanyak 6,631 orang termasuk pendaftaran baru 4,839 orang pada majlis hari ini.

Julai lepas pada satu mesyuarat MT, setiap bahagian parti itu diarahkan menambah keanggotaan pada jumlah minimum sebanyak 10 peratus.

Umno mempunyai 2.9 juta anggota di seluruh negara pada masa itu.

Ketika menjawab soalan pemberita beliau berkata satu masalah yang menyebabkan wujudnya "cawangan bunian" di beberapa bahagian di Wilayah Persekutuan adalah berkemungkinan disebabkan ia mengukuhkan sesetengah pihak dalam proses pemilihan parti dan sebagainya.

"Perkara ini telah mendapat perhatian Umno Wilayah (Persekutuan) dan mereka kini sedang mengemaskinikan jumlah keanggotaan itu...Kita perlu berdiri di atas realiti dan tidak menipu diri kita daripada keadaan yang wujud sebenarnya," katanya.

Masalah ini tidaklah besar di seluruh negara atau di Wilayah Persekutuan tetapi perkara ini berlaku di beberapa cawangan. Ia tidak wujud di seluruh negeri, katanya.

Beliau berkata perkara ini boleh ditangani melalui struktur parti yang sedia ada di setiap badan perhubungan negeri dan perkara ini dilaporkan kepada MT oleh mereka.

-- BERNAMA  
SHS MUN FAZ